

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**HMT 227 – Sociolinguistik**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM TUJUH [7] HALAMAN.**

Arahan: **SEMUA** soalan memberikan jumlah markah yang sama (100 markah setiap soalan).

Jawab **SEMUA** soalan dalam **Bahagian A** dan pilih **DUA** [2] soalan dari **Bahagian B**.

Jawab **SEMUA** soalan dengan ringkas, padat, dan tepat.

**BAHAGIAN A. [Jawab SEMUA soalan]**

1. Rekabentukkan satu kajian kualitatif lengkap tentang topik 'Bentuk Panggilan Di Kalangan Warga Universiti Sains Malaysia' daripada aspek gender, umur, perjawatan, pendidikan, kesetiakawanan, kesopanan, kuasa dan bahasa/dialek.
2. Bincangkan perkaitan identiti dan budaya etnik dengan bahasa, seperti yang diutarakan oleh Jacob L. Mey dalam *Ethnicity, identity, and Language* (1997). Kaitkan perbincangan anda dengan isu Sekolah Wawasan dan hak etnik dalam sesebuah masyarakat majmuk.
3. Jawab **(i) hingga (iii)**.
  - (i) Tuliskan apa yang tertera di 'buku' yang diperbuat dari batu di belakang bangunan G03.
  - (ii) Ceritakan satu aktiviti yang dilakukan dalam kuliah yang digunakan untuk memperlihatkan proses penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan. Namakan akta yang diwujudkan dalam kuliah itu dan perlihatkan hasilnya.

- (iii) Bincangkan kedudukan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di era globalisasi dan siber ini? Sediakan bukti dan contoh yang sesuai dalam huraian anda.

**BAHAGIAN B. [Pilih DUA [2] soalan sahaja.]**

4. Jawab **(i) hingga (iii)**. Soalan 4 (i) hingga (iii) berdasarkan pantun dua kerat berikut:

*Orang berbudi kita berbahasa,  
Orang memberi kita merasa.*

- (i) Bincangkan nilai yang diperlihatkan dalam pantun tersebut.
- (ii) Bagaimanakah masyarakat Melayu di Malaysia ini memmanifestasikan nilai yang diperlihatkan dalam pantun ini secara verbal dan bukan verbal pada masa dahulu dan pada masa kini dalam situasi rasmi dan tidak rasmi?
- (iii) Apakah yang berlaku jika nilai ini dilanggari oleh seseorang dan kesannya terhadap pemberi dan penerima?
5. Pilih **(i) atau (ii)**. Soalan (i) berdasarkan Lampiran 1 dan Lampiran 2. Soalan (ii) berdasarkan Lampiran 3 dan Lampiran 4
- (i) Bincangkan dan berikan pendapat anda terhadap dua iklan di Lampiran 1 dan Lampiran 2 daripada aspek bahasa, fungsi, dan gender.

**ATAU**

- (ii). Bincangkan dan berikan pendapat anda tentang penggunaan bahasa dalam Lampiran 3 dan Lampiran 4.

6. Pilih **(i) atau (ii)**.

- (i) Bincangkan dengan lengkap aspek 'stereotaip' yang digunakan oleh pelajar USM terhadap staf akademik USM. Gunakan contoh-contoh yang sesuai.

**ATAU**

- (ii) Setiap manusia diberikan nama selepas dilahirkan. Nama ini akan kekal atau berubah apabila manusia dewasa. Jelaskan aspek dan proses pemberian nama ini daripada aspek makna dan budaya orang berketurunan Melayu.

7. Jawab **(i) hingga (iii)**. Soalan 7(i) hingga (iii) berdasarkan Lagu 1 dan Lagu 2. [Kedua-dua buah lagu berikut menggunakan rentak lagu 'Are You Sleeping'.]

*Lagu 1*                      *Are you sleeping? (2x)*  
*Brother John (2x)*  
*Morning bell is ringing (2x)*  
*Ding dong bell (2x)*

*Lagu 2*                      *Bangun cepat (2x)*  
*Adik sayang (2x)*  
*Azan berkumandang (2x)*  
*Allahuakbar (2x)*

- (i) Bincangkan dua buah lagu tersebut daripada aspek pemindahan budaya kesetiakawanan dan kesopansantunan dari Bahasa 1 ke Bahasa 2.
- (ii) Siapakah yang menjadi sasaran lagu-lagu ini dan mengapa anda berkata demikian?
- (iii) Bolehkah Lagu 2 dianggap sebagai satu bentuk terjemahan kepada Lagu 1, dan mengapa?